

PENGIKTIRAFAN GLOBAL

HALA TUJU
UiTM 2024

UiTM *di hatiku*

اوسها تقوى موليا

A man in a purple academic gown and a traditional Malay headpiece (tengkolok) is shown in profile, speaking at a podium. The background is a soft, out-of-focus light blue.

PENGIKTIRAFAN GLOBAL

HALA TUJU
UiTM 2024

© Jabatan Komunikasi

Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana–mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan dalam apa–apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain–lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Komunikasi, Universiti Teknologi MARA.

Pengiktirafan Global : Hala Tuju UiTM 2024

ISBN 978-629-98741-1-9

Terbitan oleh : Jabatan Komunikasi
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Malaysia

ISI KANDUNGAN

Doa	01	UiTM 2024 - Pengiktirafan Global <i>(Globally Respected)</i>	24
Ikhtisar Naskhah	07	8 Penekanan Naib Canselor	28
Usaha, Takwa, Mulia	11	<i>Vice-Chancellor's Special Project (VSCP) 2024</i>	46
UiTM 2023 - Kebolehpasaran Global <i>(Globally Marketable)</i>	12	Kelangsungan Bersama 2024	48
Prinsip 9R	14	Makluman Khas Naib Canselor	50
<i>Globally Renowned University (GRU) 2025</i>	16	Pembitaraan Adiwangsa	52
Pemetaan UiTM 2025 - Hala Tuju KPT 2024	17	UiTM 2030 - <i>Way Forward</i>	54

Doa

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا حَامِدِينَ حَمْدًا شَاكِرِينَ حَمْدًا
يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ، يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي
لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Dengan nama Allah, Tuhan Yang Menciptakan apa yang ada
di langit dan di bumi. Selawat dan salam ke atas Rasul
Junjungan Yang Menjadi Penyuluh seluruh kehidupan insan.

اللَّهُمَّ يَا غَفُورٌ وَيَا شَكُورٌ

Kurniai kami sifat syukur atas segala limpahan nikmat kurniaan–Mu, yang masih memberikan nikmat kehidupan, melaksana perintah serta memperhebat amalan, sebagai bekalan sebelum ajal dijemput Tuhan.

Pada–Mu jua kami panjatkan kesyukuran, kerana dengan izin serta ketentuan–Mu, kami seluruh warga berdiri teguh, di belakang barisan kepimpinan universiti yang hebat dan jitu, bersempena Amanat Naib Canselor pada pagi yang penuh keberkatan ini.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِنْعَامِ

Permudahkanlah urusan kami, melangkah gagah penuh berhemah, diiringi niat dan azam kian terserlah, menunai janji dan amanah tidak berhelah, bersatu padu tidak berpecah, serta berpaksikan satu aqidah, mengharap redha dan rahmah, dari Tuhan Yang Maha Pemurah.

Semaikanlah kami dengan perilaku mahmudah, hindarkanlah kami daripada nista mazmumah, agar budaya kerja berkualiti menjadi amalan, tanpa meminggir integriti sebagai teras pedoman, menjadikan Ad–Din sebagai asas pegangan, usaha, taqwa dan mulia sebagai panduan, melonjak UiTM ke arah kecemerlangan dan kegemilangan.

اللَّهُمَّ يَا حَفِيزُ يَا رَقِيبُ

Berkatilah barisan pengurusan kanan universiti, para akademik, dan seluruh warganya lantaran sebuah pengorbanan, menjadikan UiTM gedung ilmuan yang unggul dan dihormati serta melahirkan cendekia yang hebat duniawi dan ukhrawi.

Engkau sentiasa memberi tanpa mengharap balasan, Engkau terus menyayangi setiap makhluk ciptaan, Engkau setia mendengar pabila hamba-hamba-Mu menadah tangan, dan Engkau mengampunkan dosa saat hadirnya penyesalan.

Sesungguhnya kami berharap, dhamir dan bibir seiring bercakap, mohon perkenan setiap kata dan rangkap serta dimakbul doa-doa yang diungkap. Kalau bukan kerana tangan ini yang memimpin, tetapi mungkin bibir mereka yang mengamin.

Sesungguhnya kami berharap, dhamir dan bibir seiring bercakap, mohon perkenan setiap kata dan rangkap serta dimakbul doa-doa yang diungkap. Kalau bukan kerana tangan ini yang memimpin, tetapi mungkin bibir mereka yang mengamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَبَارَكَ وَسَلَّمَ
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

IKHTISAR NASKHAH

Pengiktirafan Global: Hala Tuju UiTM 2024 merupakan sebuah penerbitan kreatif berdasarkan transkripsi ucapan Amanat Naib Canselor UiTM yang telah berlangsung pada 9 Februari 2024 bertempat di Dewan Konsert Seri Budiman, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.

Amanat tersebut telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc, dengan bertemakan Pengiktirafan Global (*Globally Respected*) sebagai peta bagi warga UiTM menerokai tahun 2024. Hasil penulisan dan transkripsi ucapan tersebut turut merangkumi infografik bagi merumuskan inti pati utama antaranya Definisi Usaha, Takwa, Mulia; pencapaian Kebolehpasaran Global 2023; 8 Penekanan Naib Canselor dan Prinsip 9R; hala tuju universiti pada tahun 2024 - Pengiktirafan Global; Pembitaran Adiwangsa dan Kelangsungan Bersama 2024; serta konsepsi UiTM 2030.

Transkripsi ini juga merupakan sumber rujukan utama yang memberikan inspirasi kepada seluruh warga UiTM dalam menempuhi tahun 2024. Kebersamaan jiwa dalam kalangan warga Universiti tidak kira staf (akademik dan bukan akademik), pelajar dan alumni juga akan menjamin kelangsungan UiTM dalam mencapai Pengiktirafan Global.

PENGIKTIRAFAN GLOBAL

Ucapan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2024

*Lebat kemiri pohonnya rendah,
Dahan terikat tali perkasa;
Sepuluh jari kami menadah,
Mahan berkat yang Maha Esa.*

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin-Nya, kita diberikan kesihatan tubuh badan dan kekuatan akal, ruang dan kesempatan dalam **Program Amanat Naib Canselor 2024**.

Selamat Tahun Baharu diucapkan kepada semua warga UiTM, walau di mana jua anda berada.

Jangan kita lupa, sambil kita bergerak ke hadapan, penting juga untuk kita merenung kembali perjalanan yang telah dilalui pada masa lalu.

Kita amat berdukacita dengan kehilangan 57 ahli keluarga UiTM pada tahun lepas, yang mana 25 daripadanya adalah pelajar, manakala 32 daripadanya pula merupakan staf yang telah pergi meninggalkan kita semasa dalam pengajian dan perkhidmatan.

Tidak lupa juga para alumni UiTM yang telah meninggalkan legasi mereka untuk kelangsungan generasi hari ini.

UiTM tidak mungkin wujud tanpa pejuang yang bermati-matian memerdekakan tanah air demi kesejahteraan anak bangsa.

Justeru, marilah sama-sama, kita sedekahkan **AI-Fatihah** kepada mereka semua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ① الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ② الرَّحْمَنِ
الرَّحِيمِ ③ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ④ إِيَّاكَ تَعْبُدُ وَإِيَّاكَ تَسْتَعِينُ ⑤ اهْدِنَا
الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ⑥ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ
عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ⑦



Pada tahun 2023, Universiti telah berjaya menempa nama di pelbagai peringkat melibatkan akademik mahupun bukan akademik, sama ada di dalam dan di luar negara.

Alhamdulillah, pada Jumaat terakhir di bulan Rejab yang mulia ini, **genap 100 hari** saya bersama-sama warga UiTM. Kerjasama yang sangat baik telah diberikan oleh semua terhadap usaha untuk melahirkan graduan dinamik, progresif serta responsif kepada agama, bangsa dan negara.

Tahniah diucapkan kepada semua pengurusan universiti, Ketua-Ketua PTJ, barisan staf pentadbiran dan operasi, ahli akademik, serta para pelajar yang telah memberikan seribu satu kenangan manis serta mengharumkan nama Universiti sepanjang tahun 2023.

Berkat kebersamaan dan sokongan padu dalam menempuhi cabaran telah dibuktikan melalui komitmen dan kesungguhan bagi mencapai petunjuk prestasi masing-masing.

Syabas atas kejayaan yang telah dicapai oleh seluruh warga. *Alhamdulillah*.



Usaha, Takwa, Mulia

Sebagai sebuah universiti komprehensif terbesar di Malaysia, kita mempunyai misi untuk **menjuarai pembangunan Bumiputera profesional yang tangkas**, menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak bersama nilai-nilai **Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti**.

Penghayatan ini juga diterapkan bersama moto universiti iaitu **"Usaha, Takwa, Mulia"**.

Buat warga UiTM, teruskan **USAHA** yang bersungguh dalam proses pembelajaran ilmu demi perihal **TAKWA**, iaitu rasa takut, kasih dan patuh kepada Allah SWT, kerana kejayaan yang diperoleh bakal meletakkan kita dipandang **MULIA** oleh insan yang lain.

Sedarilah, amanah yang dipikul harus dihayati dan diterjemahkan sebaiknya agar **misi dan visi UiTM** diteruskan tanpa melupakan tujuan asal penubuhan universiti keramat ini.

“**USAHA** dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan ber**TAKWA** kepada Allah S.W.T bagi mendapatkan ke**MULIA**an disisi-Nya”

UiTM 2023

Kebolehpasaran Global

Program Transformasi UiTM yang dilaksanakan seiring dengan aspirasi yang ingin dicapai menerusi RMK-12 dalam mendepani cabaran globalisasi serta perubahan landskap ekonomi dan teknologi, dengan mengambil kira objektif yang telah ditetapkan.

Dalam agenda transformasi, UiTM meneruskan keunikannya dalam menggalas misi dan visi Bumiputera melalui pengajian tinggi.

UiTM 2025 merupakan fasa **Transformasi Makro** yang membawa kepada pemupukan budaya **(Culture Cultivation)** akademik yang berteraskan kepada **6 tonggak utama universiti**.

Tonggak utama ataupun 'pillars' ini merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Naib Canselor UiTM ke-6 iaitu **Yang Berbahagia Datuk Dr. Roziah Mohd Janor**.

Dalam mencapai **Globally Renowned University** atau **Universiti yang Dikenali Dunia**, UiTM telah membawa pelbagai kejayaan dan kecemerlangan warganya ke peringkat antarabangsa berlandaskan tema **Kebolehpasaran Global** sepanjang tahun 2023.

Program Transformasi UiTM

Aspirasi RMK-12 untuk mendepani **cabaran globalisasi** - perubahan landskap ekonomi dan teknologi

Alhamdulillah, pencapaian ini merupakan hasil berkat semangat berpasukan dan keikhlasan semua warga dalam memacu UiTM untuk menjadi lebih progresif.

Apabila wujud **kebersamaan jiwa** dalam diri kita, maka akan hadir kebersamaan semangat dan kefahaman yang membawa kita untuk mendayung ke arah yang sama.

Buktinya, pengiktirafan yang diterima universiti pada tahun lepas melalui

- **QS World University Rankings 2024** – UiTM melonjak 102 anak tangga dan mencapai kedudukan ke-555 di peringkat dunia dan ke-10 terbaik di Malaysia.
- **QS Asia University Rankings 2024** – Universiti meraih kedudukan berprestij dengan mencapai kedudukan ke-98 dan tersenarai dalam 100 universiti terbaik Asia.
- **QS World University Rankings: Sustainability 2024** – UiTM mencapai kedudukan 151 di Asia dan berada di kedudukan 599 daripada 1,403 institusi di dunia.
- **THE Impact Rankings 2023** – UiTM mengekalkan kedudukan 101-200 terbaik dunia dengan berada pada kedudukan ke-2 di Malaysia bersama UM dan UTM. Kita merupakan antara 50 universiti terbaik bagi SDG5, SDG16 dan SDG17.
- **UI GreenMetric World University Rankings** – UiTM melonjak 17 anak tangga dan mencapai kedudukan ke-111 institusi terbaik dunia.
- Manakala, **SETARA** dari Kementerian Pendidikan Tinggi memberikan UiTM penarafan Berdaya Saing dalam kalangan 104 buah IPT.

Pencapaian ini merupakan bukti usaha bersama yang berterusan dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan berimpak kepada para pelajar. Syabas diucapkan buat semua.

QS World University Rankings 2024
#10 terbaik di Malaysia
#555 terbaik di dunia

QS Asia University Rankings 2024
#98 terbaik di Asia

QS World University Rankings: Sustainability 2024
#151 di Asia, #=599 di dunia

THE Impact Rankings 2023
#2 di Malaysia, #101-200 terbaik dunia
50 universiti terbaik – SDG 5, SDG16, SDG17

UI GreenMetric World University Rankings
#111 terbaik dunia

SETARA (KPT)
Penarafan Berdaya Saing

Prinsip 9R

Jangan sekali-kali kita lupakan asal usul bertapaknya universiti ini. UiTM bukan calang-calang universiti. Penubuhan dan pembentukannya ada di dalam Akta 173 (1A), menurut dan mengikut Peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Akta Universiti Teknologi MARA 1976

Akta 173, Seksyen 1A
Penubuhan Universiti menurut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan

Universiti Teknologi MARA ditubuhkan menurut dan mengikut peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan

Kelestarian identiti kita adalah untuk memastikan institusi ini memberi keutamaan dalam memajukan pendidikan anak Melayu dan Bumiputera di tanah air ini. Maka, Prinsip 9R perlu dipegang rapi oleh semua warga.

“Apa itu 9R?” Prinsip 9R ini merangkumi – *Royal, Religion, Race, Relevant, Referred, Respected, Reduce, Recycle, dan Reuse*.

Bagi Prinsip 3R yang pertama iaitu *Royal, Religion, Race*; agenda memperkasakan hubungan dengan Raja-Raja Melayu bagi mengekalkan kelestarian dan kewujudan UiTM harus diteruskan. Selain itu, agenda perbincangan kepentingan Perkara 153 juga perlu disemarakkan.

Antara inisiatif yang perlu diterajui oleh Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan Kursi Institut Raja-Raja Melayu (KIRRM) adalah menambah baik kandungan dan penerangan mengenai pemahaman serta penghayatan Perkara 153 dalam setiap program pengajian.

Selain itu, program ilmiah dengan kerjasama Majlis Profesor Negara (MPN) dan KPT boleh dianjurkan untuk membincangkan mengenai hala tuju dan cadangan mewujudkan program eksekutif khas demi menjaga keharmonian nasional.

Bagi 6R yang seterusnya, *Insya-Allah*, kita akan bersama-sama menggarap prinsip ini sebagai landasan kepada semua perancangan dan harapan ke arah mencapai GRU2025.

Misi Khas UiTM

*Royal
Religion
Race*

*Relevant
Referred
Respected*

*Reduce
Recycle
Reuse*

Frasa yang dipetik daripada Klaus Schwab, Pengasas World Economic Forum berbunyi:

*“It is **NOT** the **big fish** which eats the small fish, **IT IS** the **fast fish** which eats the slow fish.”*

Jika diamati kata-kata beliau, dan meletakkan UiTM dalam konteks ini, kita perlu menjadi ikan besar yang tangkas serta peka terhadap keperluan bagi menyesuaikan diri dan bergerak dengan pantas.

Kita sebagai warga seharusnya mengukuhkan lagi peranan UiTM sebagai Pemangkin Perubahan Sosial melalui pendidikan.


Globally Renowned University (GRU) 2025

Pemetaan Hala Tuju UiTM 2025 - KPT 2024

Semasa Wacana Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 5 Januari yang lalu, Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** telah mengungkap satu falsafah yang memberikan kesan yang amat mendalam.

Sehubungan dengan itu, elemen falsafah ini telah mengingatkan kita terhadap asal usul penubuhan institusi ini.

Maka, tema UiTM yang bakal kita pegang sehingga tahun 2025 ialah:



Dengan erti kata lain, kita akan membawa UiTM ke arah menjadi sebuah universiti yang **“Gah di Mata Dunia”**. Pada masa yang sama, kita masih bertunjangkan identiti atau asal usul kita dengan berbakti kepada bangsa dan negara, ibarat kita **“terus mengakar ke tanah”** walaupun dengan kejayaan yang menjulang tinggi.

Yang Berhormat Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir telah menekankan Anjakan bersama **4 Saranan, 5 Fokus Utama**, dengan **20 Landasan Hala Tuju KPT 2024**.

Tujuan fokus ini adalah untuk menggerakkan dan menjayakan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025** dan **Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Malaysia 2023-2025**.

Maka, UiTM telah mensejajarkan pembangunan strategik dan pengurusan universiti dengan **20 Landasan Hala Tuju KPT**, berdasarkan **3 Teras Strategik** dan **9 Tema Strategik UiTM 2025**.

Pemetaan ini adalah berdasarkan anjakan dalam **Membina Kemenjadian Tradisi Keintelektualan** dengan **5 Fokus Utama**.

Bagi memastikan anjakan ini terlaksana, UiTM merancang beberapa inisiatif menerusi **Vice-Chancellor’s Special Project (VCSP)** dan 15 aktiviti di bawah Pejabat Pengarah Peneraju UiTM dalam Perancangan Strategik UiTM 2024.

Pelan strategik ini adalah penambahbaikan kepada perkembangan dan keperluan pendidikan tinggi semasa, tanpa mempengaruhi pengambilan pelajar Bumiputera, sebaliknya sebagai nilai tambah bagi mencapai hala tuju UiTM 2025.

UiTM tanpa ESI (*Excellence, Synergy, Integrity*) dan i-DART (Ilmu, Displin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab), ibarat **“bilik tanpa tingkap”**. Bagi sesebuah bilik, tingkap merupakan salah satu elemen yang paling penting untuk meraikan kehadiran tenaga, sinar cahaya dan udara, demi menzahirkan aura dan makna kepada fungsi bilik. Perumpamaan ini boleh dikaitkan dengan nilai **MADANI** yang juga diterapkan dalam diri warga Universiti.

Pemetaan UiTM 2025 x Hala Tuju KPT 2024

UiTM	KPT
3 Teras Strategik 9 Tema Strategik	4 Anjakan/Saranan 5 Fokus Utama 20 Landasan

20 Landasan Hala Tuju KPT 2024

Landasan 1

Esensi utama pendidikan adalah tentang pembentukan “otak dan watak”

Landasan 2

Anjakan paradigma pendidikan seimbang di antara paksi teknologi (*technology-centric*) dan nilai kemanusiaan (*humanity-centric*) - *Excellence with Soul*

Landasan 3

Kemenjadian pelajar dan mahasiswa “bitara”

Landasan 4

Sektor pendidikan tinggi untuk peningkatan kapasiti individu dan peluang mempertingkat tahap sosioekonomi keluarga dan penggerak ekonomi negara

Landasan 5

Penguasaan multibahasa dan kemampuan mengartikulasi idea

Landasan 6

Memperkuahkan pembangunan dan penyampaian kurikulum selaras dengan Agenda Kelestarian Global khususnya agenda SDG

Landasan 7

Penguatan akhlak dan integriti akademik

Landasan 8

Keupayaan menangani krisis minda, ilmu dan kemampuan melakukan mitigasi

Landasan 9

Menyemai nilai dan budaya ilmu, kelaziman wacana, budaya pembelajaran, dan budaya keserjanaan

Landasan 10

Jalinan kerjasama bermakna antara institusi dengan pihak industri

Landasan 11

Tanggungjawab KPT untuk membangunkan bakal warga, memberdayakan komuniti dan industri melalui program pemindahan dan perkongsian ilmu (*Knowledge Sharing & Transfer Programme*)

Landasan 12

Meningkatkan keupayaan dan ketangkasan mengejar dan mendakap perubahan secara optima - Letusan Revolusi Industri (*IR 4.0*), ledakan kecerdasan buatan (*AI*), dan kecanggihan transformasi digital

Landasan 13

Penguatan dan pemerkasaan TVET dan *work-based learning*

Landasan 14

Menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau dan antarabangsa

Landasan 15

Tanggungjawab KPT menuju proses pengantarabangsaan dengan memastikan sistem pendidikan tinggi Malaysia yang berkualiti dan setanding peringkat antarabangsa

Landasan 16

Keupayaan menimbang neraca keutamaan (*How to prioritise*)

Landasan 17

Kepimpinan IPT perlu berani melakukan perubahan dalam menangani kerenah birokrasi

Landasan 18

Mewujudkan budaya “*performance excellence*” secara serius dalam kalangan warga IPT seluruh negara

Landasan 19

Membangunkan kerjasama pintar melalui pendekatan “*whole-of-nation approach*” melibatkan guna sama kepakaran dan perkongsian platform merentas agensi


Landasan 20

Sektor pendidikan tinggi negara perlu inklusif dan terbuka kepada semua kelompok termasuk golongan OKU

Pemetaan Teras Strategik UiTM- Anjakan/Saranan & Hala Tuju KPT 2024

TERAS STRATEGIK UiTM 2025 LANDASAN HALA TUJU KPT 2024 Anjakan/Saranan (A/S) dalam Membina Kemenjadian Tradisi Keintelektualan	LANDASAN HALA TUJU KPT 2024 5 Fokus Utama (F)	AKTIVITI / INISIATIF	
		Globally Respected 2024 VC Special Project (VCSP)	Pejabat Pengarah Peneraju UiTM
ST1 - Pendidikan Berkualiti A/S - Program perkaderan kepemimpinan muda (<i>Nurturing Young Leaders</i>)	F1 - Penyediaan Bakat Terbaik Negara F3 - Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu F4 - Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi	• <i>International University Consortium</i> • <i>Super Bumiputera Students</i>	• Memastikan program akademik berdaya saing (HEA) • Realignmen nilai A.D.A.B dan Etika dalam PnP (HEA) • Pembinaan program Usaha, Takwa, Mulia kepada pelajar UiTM hingga peringkat ASEAN (HEP) • Saringan awal untuk kenal pasti tahap kesihatan mental pelajar (HEP) • Koridor Keusahawanan Kolej Kediaman (HEP) • Program SULAM peringkat antarabangsa (HEP)
ST2 - Kecemerlangan Global A/S - Penghasilan, penjilidan dan penerbitan korpus ilmu mengikut disiplin dan kebitaraan institusi A/S - Penganjuran program rutin dan berkala " <i>Festival of Ideas</i> "	F2 - Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi F3 - Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu	• <i>Research and Subject Matter Expert Mentoring Programme</i> • <i>MyAlumniVirtual Card</i> • <i>UiTM Strategic Gateway through Metaverse AI Technology</i> • <i>Alumni Greetings & Grand Dinner</i> • <i>UiTM Iconic Community Project</i>	• 1 pensyarah - 1 Research Group - 1 penerbitan (PI) • Penerbitan buku teks/kerja/manual untuk PnP (PI) • Membina DNA penyelidikan UiTM (PI) • Program kolaborasi berimpak bersama Industri - Komuniti - Alumni (ICAN) - Badan Kerajaan • Program ketampakan bakat UiTM (staff dan pelajar) menerusi kolaborasi pintar (ICAN)
ST3 - Prestasi Berasaskan Nilai A/S - Program perkaderan kepemimpinan muda (<i>Nurturing Young Leaders</i>) A/S - Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) / ILD (UiTM) bertanggungjawab menyediakan program kepimpinan	F1 - Penyediaan Bakat Terbaik Negara F5 - Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya	• <i>The International Conference for University Administrators (ICUA)</i> • <i>Administrative Staff International Job Shadowing</i> • <i>Supporting Staff Mentoring Programme</i> • <i>Supporting Staff Mobility Programme</i> • <i>UiTM International Volunteerism</i>	• Menerajui inisiatif pendigitalan universiti (PPII) • Mengaplikasi teknologi pengkomputeran awan dan IPV6 (PPII) • Inisiatif meningkatkan dana endowmen dan wakaf (Bendahari) • Ekosistem pembayaran secara digital (Bendahari)

UiTM - MADANI



UiTM 2024 Pengiktirafan Global

Pada tahun ini, hala tuju UiTM membawa gelombang pencapaian bertemakan **‘Globally Respected’** atau **Pengiktirafan Global**. Menerusi tema ini, kita mensasarkan agar warga UiTM yang mendapat penghormatan atau pengiktirafan di peringkat dunia dalam bidang kepakaran masing-masing, bekerja rapat dengan pemegang taruh seperti, alumni, industri, pihak berkuasa dan masyarakat, yang mana idea mereka diterima oleh komuniti sejagat.

6 Tonggak yang akan menjayakan objektif perancangan strategik 2024 adalah menjadikan warga akademik, staf bukan akademik, staf pelaksana, dan pelajar yang diiktiraf dunia; memastikan Universiti terlibat secara aktif bersama industri, komuniti dan pihak berkuasa/ agensi kerajaan; serta kebersamaan alumni terlibat bergerak aktif bersama universiti.

Insha–Allah, bagi tahun ini, terdapat **20 penetapan Sasaran Petunjuk Prestasi (KPI)** yang akan dicapai berdasarkan cabaran kewangan, formula kekuatan PTJ, kekuatan mengikut bilangan staf dan jawatan serta bilangan pelajar.

Justeru, marilah kita menyambut baik pelan strategik ini yang bakal membawa UiTM kepada pengantarabangsaan, dengan kebersamaan setiap kita melaksanakan amanah serta tanggungjawab individu, pasukan dan UiTM secara keseluruhan.

6 Tonggak Pengiktirafan Global

Warga akademik
bertaraf dunia

Staf pelaksana yang
diiktiraf dunia

Pelajar Bumiputera
bitara yang diiktiraf
dunia

Penglibatan aktif
bersama industri,
pihak berkuasa /
agensi kerajaan

Staf akademik yang
diiktiraf dunia

Penglibatan aktif
alumni

20 Sasaran Petunjuk Prestasi (KPI)



8 Penekanan Naib Canselor

Penekanan #1 Pelan Bakat

Merangkumi semua skim (pensyarah, pentadbir - pengurusan dan profesional, pelaksana) yang selari dengan Malaysia MADANI (Konsep Ihsan)

Pengurusan sumber manusia yang mampan merupakan kunci kepada kejayaan bagi sesebuah organisasi. Dengan berfokuskan kepada kesejahteraan dan kemajuan kerjaya, pendekatan **humanity-centric** diterapkan dalam memperkasakan **pembangunan bakat**.

Pembangunan bakat di universiti memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta pentadbiran.

Sehingga Disember 2023, kita mempunyai **8,932 staf akademik**, selain **10,076 staf Pengurusan dan Profesional, serta kumpulan pelaksana** di seluruh UiTM. Justeru, dalam meningkat kompetensi dan kualiti universiti, nisbah pensyarah yang mempunyai kelayakan PhD khususnya, haruslah seimbang dengan lingkungan kapasiti pelajar dan program di universiti.

8,932
staf
akademik

10,076
staf bukan
akademik

2023

38% berkelayakan PhD

2025

50% berkelayakan PhD

Kini, secara keseluruhannya, kita mempunyai 38% bilangan pensyarah yang mempunyai kelayakan PhD dan kita mensasarkan sebanyak 50% pada tahun 2025.

Justeru, di bawah **Pejabat Pendaftar** dengan kerjasama **Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD)** dan **Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)**, beberapa strategi akan dilaksanakan merangkumi program pembangunan bakat secara menyeluruh bagi staf UiTM.

Antara strategi yang diusahakan dalam meningkatkan nisbah kelayakan PhD adalah melalui **Penawaran APEL.Q kepada pensyarah tanpa PhD** dengan syarat telah berkhidmat lebih 25 tahun. Selain itu, kita akan mempergiatkan Program Bimbingan kepada staf yang masih berjuang untuk menyempurnakan PhD di bawah **Program Revisit PhD Potential**.

Pengurusan bakat merupakan salah satu inisiatif bagi **membangun dan mengekalkan kompetensi bakat** akademik dan pentadbiran agar kesinambungan kepakaran serta kepimpinan dalam kalangan kumpulan Pengurusan dan Profesional terpelihara.

Terdapat pelbagai program yang ditawarkan di ILD, namun rata-rata tidak berminat untuk menyertai program yang sedia ada. Justeru, beberapa strategi perlu diatur oleh Pejabat Pendaftar bagi memastikan penyertaan staf dalam program-program yang memberi nilai tambah kepada bakat meningkat. Malah, di UiTM, terdapat ramai pakar yang boleh diketengahkan untuk membangunkan modul-modul latihan yang boleh juga ditawarkan kepada agensi luar.

Inisiatif **memperkukuhkan peranan ILD** sebagai 'training provider' bagi tujuan Pengembangan Bakat UiTM dilaksanakan melalui **Pemusatan Program Latihan**. Sehubungan dengan itu, semua program latihan anjuran PTJ yang berpotensi akan dijadikan program penjaan pendapatan melalui penawaran kepada Universiti Awam dan agensinya.

Kaedah untuk mengenal pasti **Calon Bakat Kepimpinan Universiti** akan dilaksanakan melalui **Sistem Single Profiling** yang berintegrasi dengan sistem HR2U. Sistem ini membolehkan rekod penyertaan kursus kepimpinan dan rekod jawatan pentadbiran yang disandang oleh staf.

Selari dengan itu, ILD bersama Pejabat Pendaftar juga dalam usaha mewujudkan **Sistem HR Expert** bagi menyimpan rekod kepakaran sumber manusia. Perancangan ini harus direalisasikan, agar tahap profesionalisme dan kepimpinan dapat dipertingkatkan, malah menjadikan staf lebih berdaya maju seterusnya menyumbang kepada pengurusan yang strategik dan kesejahteraan universiti.

Sistem ini dijangka mampu merealisasikan pengesanan bakat yang lebih komprehensif, memperkasa kepakaran UiTM, dan membangunkan modul-modul latihan mengikut keperluan pasaran dan KPT.

Penekanan #2

Pelan Strategik Akademik

Penstrukturan semula bagi meluaskan akses dan pemulihan pantas

4 FOKUS UTAMA

- Program Akademik
- Pengajaran & Pembelajaran
- Pensyarah
- Pelajar

7R TINDAKAN STRATEGIK

- Relocating
- Resizing
- Realignement
- Refining
- Reassess
- Redesign
- Reskill

Beberapa strategi dalam pemantapan program akademik dan pengantarabangsaan selari dengan Teras Strategik UiTM2025 menyasarkan peranan **Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa (TNCAA)** dalam **Pendidikan Berkualiti**.

Fokus yang pertama, universiti perlu memastikan **program akademik** yang ditawarkan berdaya saing, yang mana graduan yang bakal dilahirkan perlu dilengkapi dengan kemahiran yang relevan dengan kehendak industri dan pasaran pekerjaan semasa.

Beberapa program perlu untuk kita perbaharui, atau gabungkan, atau gantikan agar program-program ini lebih kompetitif dan 'up-to-date' dengan suntikan elemen-elemen modal insan yang diperlukan. Ini bermakna, **mana-mana program yang perlu kita gabung, kita gabungkan dan yang mana mungkin patut kita jumud, kita jumudkan**. Namun, "**Need Analysis**" wajar dilakukan sejajar dengan kompetensi pensyarah yang sedia ada.

Selain itu, bagi memenuhi keperluan industri serta menyokong pembangunan ekonomi negara, UiTM menyambut baik saranan kerajaan untuk memperkasakan agenda TVET dalam membantu anak bangsa melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan memperkenalkan **Higher Education Technical and Vocational Education and Training (HETVET)** sebagai pendekatan baharu dalam **Pelan Pendidikan 5.0@UiTM**.

Fokus kedua, adalah dengan **mensejajarkan semula (realignment) Model A.D.A.B (Analysis, Design, Access, Built-in-Belief) dan Etika dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**. Kita perlu menerapkan serta mengangkat nilai-nilai murni ESI dan i-DART untuk meningkatkan kualiti diri agar ia dapat dimanfaatkan kepada diri sendiri, masyarakat dan negara.

Dalam mengukuhkan nilai murni dalam kalangan pelajar ini juga, Jabatan Pendidikan Tinggi telah membuat ketetapan terhadap **Kursus Integriti dan Anti Rasuah** agar dijadikan sebagai **kursus wajib** mata pelajaran Pengajian Umum bermula pengambilan Oktober 2023, secara fleksibel untuk program diploma dan sarjana muda.

Pada masa yang sama, **peranan Penasihat Akademik harus diperkasakan** kerana merekalah yang mendukung perjalanan akademik. Jika dilaksanakan dengan **pendekatan Ihsan**, ia akan menjadi kunci kepada kejayaan pelajar di UiTM.

Bagi membantu melancarkan PdP pula, **setiap kampus harus mempunyai sekurang-kurangnya SATU bilik kuliah dengan kelengkapan asas PdP secara hibrid**. Oleh itu, naik taraf **Smart Classroom** yang sedia ada perlu dilaksanakan.

Untuk makluman juga, sebanyak **26 Program Akademik Anjal** telah diluluskan oleh JPT yang telah dilaksanakan pada pengambilan Oktober 2023. Ia merupakan program akademik konvensional yang boleh berubah secara terancang dari segi elemen anjal iaitu keberadaan pelajar, ruang pembelajaran, kaedah penyampaian, masa atau kaedah pentaksiran dalam pelaksanaan pengajaran fleksibel tanpa mengubah hasil pembelajaran program akademik.

Fokus yang ketiga, universiti perlu **memperhebatkan penggunaan sumber tenaga akademik** agar kemahiran dan kepakaran dapat dioptimumkan merentasi program, kampus, universiti dalam dan luar negara.

Dengan **mengoptimumkan kepakaran pensyarah**, secara tidak langsung dapat menyelesaikan beberapa isu yang timbul sebelum ini iaitu berkenaan dengan jam **Kesetaraan Syarahan (KS)**. Sebagai contoh, mereka yang dikenal pasti mempunyai KS rendah, **tanpa keperluan pensyarah sambilan sepenuh masa (PTFT)**, digalakkan bergiat aktif dalam program-program penjaan dan penyelidikan.

Pengoptimuman sumber manusia dalam operasi dan pengurusan, dikuatkuasa berdasarkan kepada situasi sumber sedia ada sama ada pensyarah, staf pelaksana, dewan kuliah, makmal, peralatan dan kelengkapan PdP. Justeru, **penguatkuasaan Mass Lecture secara menyeluruh** dan pematuhan kepada dasar serta garis panduannya akan melibatkan tindakan oleh PTJ itu sendiri.

Selari dengan itu, **penambahbaikan sistem MyATP (Amanah Tugas Pensyarah)** yang menyeluruh diperlukan sebagai refleksi kepada aktiviti dan tugas para akademik dan ianya memerlukan kerjasama erat antara Bahagian Hal-Ehwal Akademik (BHEA) dan Jabatan Infostruktur.

Fokus yang keempat, Universiti harus **memperhalusi Enrolmen Ideal** bagi setiap fakulti dan kampus dalam mencapai **sasaran 200 ribu pelajar** daripada pelbagai aspek sosioekonomi seperti yang dicadangkan oleh KPT menjelang tahun 2025. Kita perlu **menyemak semula nisbah pengambilan pelajar** secara menyeluruh dan antara usahanya adalah dengan merencanakan pengambilan pelajar program Pra-Diploma, selain program Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PhD.

Semoga strategi ini mampu **mengekal Penarafan Berdaya Saing** dalam SETARA; serta **melahirkan Graduan Seimbang, (Human and Technology Centric) serta Berciri Keusahawanan**. Kita mengharapkan kebolehpasaran graduan mencapai 90%, dengan mensasarkan 10% daripada mereka mampu bersaing pada peringkat global.

Penekanan #3

Pelan Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi & Pengkomersialan

Penjanaan pengetahuan berimpak kepada gandingan komuniti dan industri di peringkat tempatan dan global

Melalui kerjasama **Pejabat TNC PI** dan **Pejabat TNC ICAN**, UiTM menekankan kerjasama dalam kalangan akademik, kerajaan, industri, masyarakat dan individu kepada perubahan yang positif.


Melalui pemerhatian, budaya menulis dan menghasilkan bahan ilmiah merupakan cabaran utama para akademik. Penglibatan dalam penyelidikan dan pengkomersialan secara menyeluruh juga antara amalan yang masih dianggap “asing” dalam **budaya kerja akademik**.

Daripada pengamatan, sehingga 2023, penyertaan warga akademik dalam **Research Interest Group (RIG)** berjumlah **1,455 orang** iaitu hanya **17.7%** daripada jumlah keseluruhan. Bukan itu saja, UiTM cuma mempunyai **1 Hi-CoE** iaitu Accounting Research Institute (ARI), yang juga merupakan satu-satunya Hi-CoE dalam bidang Sains Sosial di Malaysia.

Ini tidak termasuk **bilangan pengkomersilan produk** yang masih rendah, **penyusutan jumlah geran** yang diperolehi, **penyeliaan pasca siswazah** yang kurang, **publisiti bahan penerbitan penyelidikan antarabangsa** yang rendah dan **penjanaan pendapatan hasil perundingan** yang tidak konsisten.

Untuk mengatasi permasalahan ini, Pejabat TNCPI perlu lebih agresif dalam membentuk **DNA Penyelidikan UiTM** dalam kalangan ahli akademik.

Terdapat **7 aspek utama** iaitu, geran penyelidikan aktif, penerbitan berindeks, penyeliaan pasca siswazah, jaringan kolaborasi pintar, penyertaan ahli aktif entiti kecemerlangan, harta intelek dan impak penyelidikan kepada komuniti.




Bermulanya dengan pemeraksanaan budaya penyelidikan, modul **Pioneering Research Leaders** hendaklah ditambah baik dan **kursus penyelidikan asas** terus dirancang terutamanya kepada pensyarah muda.

Apabila pembudayaan penyelidikan menjadi mantap, secara automatisnya, ia akan menjadi norma di kalangan pensyarah untuk menghasilkan kertas kerja penyelidikan yang baik dan penulisan bahan penerbitan yang berkualiti.

Oleh itu, UiTM mensasarkan pada tahun ini, **1 pensyarah**, menyertai **1 kumpulan penyelidikan**, dan menghasilkan **1 penerbitan** (pengarang koresponden/tunggal/utama).

Melalui usaha ini, diharapkan adanya peningkatan yang signifikan dalam memperoleh geran-geran luaran. Bagaikan **“menarik kiambang bertaut”**, *insya–Allah*, kegemilangan UiTM dalam penyelidikan, inovasi dan penerbitan dapat diperhebatkan.



Penekanan #4

Pelan Penglibatan Komuniti & Industri

Pelaksanaan pelan menerusi pendekatan “Quintuple Helix”

Usaha mengekalkan jaringan dan menjalin kolaborasi merupakan usaha berterusan yang diterajui oleh **Pejabat Jaringan, Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)**.


Pendekatan berdasarkan **Model Lingkaran Lima Sektor** atau **“Quintuple Helix”** menggunakan gabungan sinergi kerjasama antara empat pihak iaitu **UiTM, Industri, Komuniti** dan **Alumni** serta **Kerajaan** menerusi **program kolaborasi berimpak** sebagai usaha untuk memperkasakan masyarakat yang terhasil dari penyelidikan bagi pembangunan berterusan dalam mewujudkan persekitaran yang segar dan ekosistem yang kondusif.

Pada tahun lepas, sebanyak **801 program** telah dilaksanakan yang melibatkan komuniti dengan **56 projek geran** di bawah **Knowledge Transfer Programme (KTP)**. Dalam memantapkan pembentukan jaringan atau *‘establishment’* dengan komuniti, kesinambungan keterlibatan bersama industri, komuniti setempat dan alumni merupakan kunci kekuatan bagi memastikan kerjasama dan **“ukhuwah setempat”** terjalin, selain menyokong usaha kerajaan kepada **“zero poverty”**.

Usaha dalam mempergiatkan **kolaborasi pintar** bersama **universiti dan industri di luar negara** juga, adalah amat penting agar potensi warga UiTM dapat **menembusi pasaran global** dan sekaligus meningkatkan **ketampakan universiti**.

Oleh itu, UiTM perlu meningkatkan kebolehpasaran graduan secara komprehensif dan holistik. **Usaha sama dengan rakan strategik** seperti syarikat multinasional, hendaklah diteruskan secara berkesan untuk menghasilkan graduan yang seimbang dengan nilai kebolehpasaran global.

Sememangnya, ramai **alumni UiTM telah berjaya** dalam lapangan masing-masing, dan tidak ketinggalan, ada yang menjadi usahawan yang berjaya. **Jaringan bersama alumni** perlu dikukuhkan dan dimanfaatkan. Selain melibatkan endownmen, ia membuka peluang perkongsian ilmu serta pengalaman dan peluang pekerjaan selain daripada menyumbang kepada penambahbaikan pengurusan universiti.



Penekanan #5

Pelan Pembangunan Strategik Keseluruhan Pelajar

Merangkumi pengkhususan strategi, pemantauan dan pengukuran

Statistik* Kemurungan Pelajar



Sumber: Pusat Kerjaya & Kaunseling UiTM

Mengikut statistik dari Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM, sebanyak 38% pelajar UiTM mengalami kemurungan pada tahun 2023 berbanding 30% pada tahun 2022. Statistik ini berdasarkan jumlah pelajar yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling di UiTM seluruh sistem dan tren peningkatan peratusan disebabkan oleh pelbagai faktor.

Kehadiran mereka perlu kita santuni dengan merangka persiapan atau **“pendinding”** agar mereka mampu bertahan sebagai generasi yang **kalis masa hadapan**. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan oleh **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)** adalah melalui **Program Saringan Awal Kesihatan Mental** untuk mengenal pasti tahap kesihatan mental dalam kalangan pelajar.

Mahasiswa hari ini merupakan generasi berilmu yang menjadi **kunci masa depan** negara. Sehubungan itu, UiTM memegang amanah untuk membentuk karakter mahasiswa dengan **“jati diri, ilmu dan takwa”** dalam menghadapi peredaran zaman yang semakin mencabar.

Maka, **Model Pemerkasaan Graduan UiTM** dirangka bagi tujuan melahirkan graduan yang berketerampilan, berdaya saing, memiliki kecerdasan holistik, berilmu, berintelektual, berakhlak, patriotisme, dan mempunyai semangat kesukarelawan. Model ini diharapkan membentuk **generasi UiTM Di Hatiku** yang relevan dari zaman ke zaman.

“**Nampak UiTM, nampaklah jati diri dan kualiti mahasiswanya. Itulah semangat atau cerminan UiTM Di Hatiku yang sebenar.**”

BHEP turut merangka program kepimpinan holistik melalui **‘Modul UTAMA’** berasaskan **USAHA, TAKWA, MULIA** yang dahulunya dikenali sebagai **PADU! Insya-Allah**, program ini akan bermula pada April 2024 di seluruh kampus UiTM.

Modul UTAMA ini merangkumi **Sistem Penjaanan e-Profil** dan **Sistem Penjaanan e-Transkrip** mahasiswa UiTM. Sistem ini akan membantu UiTM memenuhi Model Graduan UiTM bagi melahirkan graduan yang holistik.

Namun, setinggi mana pencapaian mahasiswa kita, sehebat mana mereka di luar sana, UiTM sentiasa cakna dalam **membentuk keperibadian dan akhlak dalaman** mereka. Amanah yang diberikan untuk membentuk karakter akhlak unggul dan membangunkan kompetensi mahasiswa perlu seiring dengan nilai aqliyah.



Melalui surau dan masjid di seluruh sistem UiTM, Universiti turut mengadakan program 'back to basic' yang **mengakar jiwa dan raga** mahasiswa bertujuan melahirkan jati diri muslim yang profesional. Antara programnya, seperti **Program Malam Maghfirah, Taujihat, Subuh Berjemaah dan Cinta Rasul, Kem Syabab Melania**, dan **Jom Jawi@Masjid UiTM**.

Selain itu, melalui Pusat Kokurikulum UiTM, perlu diwujudkan **3 kumpulan sukarelawan**, iaitu **Briged Sukarelawan Masjid, Briged Sukarelawan Keselamatan** oleh Badan Beruniform, khususnya KESATRIA, dan **Briged Sukarelawan Perpustakaan** bagi membentuk identiti mahasiswa yang utuh untuk menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks.

Usaha **mengilap bakat mahasiswa** turut dilaksanakan dalam **memperkasakan kepimpinan** mereka di peringkat global. Mereka bukan sahaja perlu **berkeupayaan berbicara**, dan **mengartikulasi idea**, malah perlu **menguasai multibahasa**. Ini adalah salah satu usaha menyokong saranan KPT dalam **mengenal pasti bakat terbaik negara** dalam kalangan mahasiswa.

Justeru, UiTM menyokong usaha rejuvenasi institut kemahasiswaan yang mana akan mengembalikan **"mahasiswa untuk mahasiswa"**.

Dengan kesempatan ini, diucapkan tahniah kepada barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2023/2024 yang telah terpilih baru-baru ini.

Untuk makluman, **EMPAT inisiatif** telah dirancang dalam memastikan peranan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) diperluaskan sepenuhnya selepas tahun 2025 iaitu:

- Autonomi pengurusan dalam pentadbiran MPP
- Pengurusan entiti/penjaanan pendapatan oleh mahasiswa
- Pengurusan kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa
- Pemeriksaan kepimpinan peringkat global

Sudah tiba masanya MPP diberi tanggungjawab **melaksanakan tadbir urus secara autonomi** yang memberi ruang kepada mereka untuk merancang sumber manusia selain menyelaras semua pertubuhan dan kelab dalaman universiti. Melalui **Program Koridor Keusahawanan Kolej Kediaman**, mereka juga berpeluang mendapatkan dan menguruskan sendiri penjaanan dana dari luar.

MPP digalakkan untuk menganjur program-program yang membawa kepada pembangunan interpersonal dan intrapersonal, serta mengetuai program kepimpinan.

Selaras dengan tujuan **pembentukan pemikiran, cakupan idea, kematangan pemikiran** dalam kalangan pemimpin mahasiswa dan **jejaring pemimpin muda global**, universiti akan menyokong dan menggalakkan penyertaan dalam program-program seperti **ASEAN Young Leaders Programme**, dan **Konvensyen Pemikir Melayu Antarabangsa**.

Ini bermakna, Universiti mengakui dan mengiktiraf peranan MPP amat penting dalam memastikan ekosistem pembangunan mahasiswa yang mantap bagi memupuk persekitaran pengalaman pembelajaran yang terbaik. Kepada MPP sekalian, andalah **pemangkin kepada perubahan** atau **"the agent of change"** untuk generasi yang akan menerajui masa depan negara.



Penekanan #6

Pelan Induk ICT & Infostruktur

Mendorong pembentukan kampus pintar, digital dan 'paperless'

Jabatan Infostruktur bertanggungjawab untuk melaksanakan **Pelan Strategik Pendigitalan UiTM 2022-2025** dan seterusnya **2026-2030** selari dengan **Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)**.

Sebanyak RM11.74 juta melalui peruntukan RMK-12 untuk menaik taraf infrastruktur Pusat Data, Pusat Pemulihan Bencana Universiti dan Keselamatan ICT serta sebanyak RM30.9 juta untuk melaksanakan projek baharu ICT telah diperolehi.

RM11.74
juta

Menaik taraf infrastruktur Pusat Data, Pusat Pemulihan Bencana Universiti & Keselamatan ICT

RM30.9
juta

Pelaksanaan projek baharu ICT

Inisiatif Kampus Digital UiTM menyokong empat tumpuan utama iaitu dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan; hab data berpusat; gaya hidup mesra alam yang selamat; dan bakat.

Bagi **pengurusan sumber manusia digital**, misalnya, Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Jabatan Infostruktur akan memanfaatkan inisiatif ini, yang mana penggunaan teknologi yang optimum dapat melancarkan proses kerja, dan membantu menyegerakan pembuatan keputusan.

Selain itu, **pengintegrasian beberapa sistem** di UiTM, contohnya Sistem Pemprofilan Kepimpinan dan Pemprofilan Pentadbiran ke dalam Sistem HR2U wajar dilakukan agar kita mempunyai satu **pangkalan data yang komprehensif**.

Semua ini akan lebih baik dan bermakna kepada warga, sekiranya liputan internet dan Wi-Fi berada pada tahap yang memuaskan. Jika pada tahun lepas, liputan untuk keperluan asas ini adalah 68%, maka untuk tahun ini, peratusannya perlu dipertingkatkan.

Inisiatif ini didorong dengan **pelaksanaan kaedah DevOps** dalam pembangunan sistem serta **penggunaan teknologi pengkomputeran awan (cloud computing) dan IPv6** demi pemerkasaan perkhidmatan ICT.

Sudah tentu, **sinergi** bersama rakan strategik di peringkat global dilihat perlu, kerana ia akan membawa nilai tambah yang signifikan dan membantu universiti mengatasi cabaran serta menangani risiko yang mungkin timbul pada masa hadapan.

Penekanan #7

Pelan Induk Pembangunan Kampus

Memastikan kampus di seluruh negara boleh didiami, hijau dan mampan

Peranan **Jabatan Infrastruktur** sangat penting dalam memastikan struktur prasarana universiti dirangka sebaik-baiknya, agar ekosistem kampus selesa serta selamat dari segi fizikal, emosi dan sosial. Selain itu, warga UiTM perlu **memupuk amalan 3R** iaitu *Reduce, Recycle, Reuse* dan merencanakan secara berhemah dalam mengelakkan pembaziran terhadap semua sumber yang ada seperti elektrik, kertas dan air. Ini akan menjadikan bumi kita lebih hijau dan mampan, selaras dengan usaha dunia dalam mencapai **'Net Zero'** pada masa hadapan.

Dalam merealisasikan hasrat ini, melalui **TIGA pelan induk** iaitu, **Pelan Induk Perkhidmatan Fasiliti**, **Pelan Induk Pengurusan Projek** dan **Pelan Induk Pengurusan Tenaga**, 10 inisiatif akan dipantau dan dimantapkan pada tahun ini.

Pelan Induk Pembangunan Kampus

Perkhidmatan Fasiliti

Pengurusan Projek

Pengurusan Tenaga

Inisiatif Hijau & Keceriaan Kampus

Memperluaskan aktiviti di setiap cawangan

Pusat Kitar Semula

Solar Rooftop

Rainwater Harvesting (RWH)

Pembangunan Pelan Induk Reka Bentuk Lanskap

Pemakaian Pelan Induk Reka Bentuk Standard (PIRES)

Laluan Khas Orang Kurang Upaya (OKU)

Antara aktiviti yang menyokong kepada **Inisiatif Hijau dan Keceriaan Kampus**, ialah memperluaskan aktiviti di setiap cawangan bagi projek seperti Pusat Kitar Semula, *Solar Rooftop*, *Rainwater Harvesting* (RWH), Pembangunan Pelan Induk Reka Bentuk Lanskap dan pemakaian Pelan Induk Reka Bentuk Standard (PIRES) termasuk laluan khas untuk orang kurang upaya (OKU) berdasarkan kampus-kampus yang telah dikenal pasti.

Bagi usaha penjimatan pula, UiTM mensasarkan **penjimatan jumlah tenaga** sebanyak **5% setahun**. Inisiatif kampus hijau dan program kesedaran berkenaan sumber tenaga, perlu sentiasa diadakan agar warga tahu dan peka kepada persekitaran, selain dari inisiatif pemasangan **Energy Meter** di setiap bangunan; dan penggantian barangan yang menggunakan **Peralatan Cekap Tenaga**.

Alhamdulillah, pada tahun lepas, UiTM Shah Alam telah memperoleh **Pensijilan “1-Star Energy Management Gold Standard (EMGS)”**, dari ASEAN Energy Management System (AEMAS). Maka pada tahun ini, UiTM mensasarkan pencapaian **1 Bintang** untuk setiap kampus di seluruh UiTM.



Seperti yang kita sedia maklum juga, UiTM sekali lagi telah berjaya merangkul **6 anugerah** di **Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023**.

Tahniah saya ucapkan kepada semua terlibat dalam kejayaan ini.

Penggunaan ruang, penambahan fasiliti dan memperbaharui prasarana adalah antara inisiatif bagi **Projek Transformasi Bangunan Usang**. Projek ini akan memanfaatkan dana yang diperoleh dari beberapa sumber seperti RMK-12, Tabung Amanah Am, Tabung KY dan Tabung Bayaran Balik (GST) untuk keselesaan warga UiTM.

Semua inisiatif ini selari dengan penarafan *The Higher Education (THE) Impact Ranking*, *UI GreenMetric World University Ranking* (UI GreenMetric) dan *Sustainable Development Goal* (SDG). Walaupun kita **mengharapkan pencapaian yang tinggi** dalam penarafan tersebut, namun segala usaha yang dilaksanakan perlu seiring dengan **keperluan sejagat** dan membawa impak yang positif kepada **pembangunan komuniti**.

Penekanan #8 Strategi Kewangan

Merangkumi penjaan pendapatan, penjimatan kos serta peranan UiTM Holdings dan Strategic Business Unit

Secara umumnya, warga UiTM perlu faham bahawa apa sahaja pendapatan yang dijana dan penjimatan yang dilakukan **bukanlah bertujuan untuk meraih sebarang keuntungan**. Sebaliknya, pengurusan kewangan yang lestari diperlukan bagi memastikan Universiti dapat menyediakan kualiti perkhidmatan yang terbaik kepada pemegang taruh secara berterusan, **tanpa mengharap 100%** peruntukan daripada kerajaan.

Marilah sama-sama kita bertanggungjawab untuk memastikan, kita mempunyai pengurusan kewangan yang bijak demi memperkasa kelestarian universiti. Justeru, menjelang 2025/2026, Universiti mensasarkan penjaan pendapatan UiTM sebanyak **RM1 bilion**. *Insya-Allah*.

Sasaran Penjaan Pendapatan UiTM **RM1 bilion***

Menjelang tahun 2025/2026

Selari dengan dasar baharu KPT, UiTM menyokong kepada **Pelaksanaan Formula Pendanaan Baharu (NFF)** dalam penyediaan belanjawan UiTM 2026. Model agihan baharu yang digunakan adalah berasaskan kepada **pencapaian keberhasilan**; dan **prestasi fungsi, tahap serta misi** bagi setiap Universiti Awam. Untuk pengetahuan semua, mekanisme pengagihan bajet ini berdasarkan kepada **cost-per-student**, yang mana ia dilihat lebih objektif dan optimal, seterusnya dilihat mampu **meningkatkan kecekapan kos operasi**.

Manakala, **strategi penjaan pendapatan** pula akan dilaksanakan menerusi beberapa Pengarah Peneraju, bersama Bendahari dan Jawatankuasa Penjaan Pendapatan UiTM, berlandaskan kepada **6 kluster utama**. Strategi ini dijangka menghasilkan sekitar **RM630 juta** dalam tempoh 2 tahun.

Kluster Akademik	Yuran perkhidmatan, program UiTMSeat ^{Plus} & Micro-Credential
Kluster Sewaan	Sewaan hartanah & ruang
Kluster Pelajar	Yuran kolej, penjualan pelekat peralatan elektrik digital, dan sebagainya
Kluster Digital & Korporat	Projek jualan pelekat kenderaan digital, e-Wallet UiTM, dan sebagainya
Kluster Alumni	Crowdfunding, penjualan meja, konferensi, dan sebagainya

Kesinambungan daripada itu, diharapkan semua Ketua PTJ terus menggalakkan kerjasama strategik bagi merencanakan aktiviti penjaanan, selain melibatkan alumni untuk menyumbang semula kepada UiTM.

Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) berperanan membantu seluruh warga UiTM dalam menunaikan kewajipan rukun Islam ketiga. Zakat merupakan instrumen ekonomi Islam yang disyariatkan di zaman Rasulullah SAW yang meningkatkan ekonomi sesebuah institusi.

Kutipan Zakat UiTM 2023	RM12.3 juta
Pulangan Wakalah (50%)	RM6.1 juta
Agihan Zakat UiTM (Pelajar Asnaf)	RM7.1 juta

Pada tahun 2023, jumlah kutipan zakat UiTM ialah sebanyak RM12.3 juta, dan pulangan wakalah 50% yang diterima oleh UiTM ialah sebanyak RM6.1 juta. Agihan zakat kepada para pelajar Asnaf di UiTM adalah sebanyak RM7.1 juta kepada lebih 11,800 penerima pada tahun 2023. Jutaan terima kasih diucapkan kepada para Muzakki (pembayar zakat) daripada kalangan warga UiTM dan komuniti sekitar yang berzakat melalui ZAWAF UiTM. *Alhamdulillah.*

Justeru, untuk tahun 2024, ZAWAF akan memperhebatkan usahanya yang juga dibantu oleh Yayasan Budiman dalam beberapa program penjaanan.

Antaranya, penganjuran **Zakat Optimum** yang mensasarkan warga UiTM mengoptimumkan potongan zakat. Inisiatif ini dilihat mampu melonjakkan peningkatan kutipan zakat sekaligus menjamin kebajikan warga.

Program Zakat Ambassador (Duta Zakat) juga dicadangkan dengan menyediakan insentif khas kepada para pelajar dan alumni yang membantu meningkatkan kutipan zakat di UiTM.

Selain Zakat, dana **Sedekah UiTM** juga disediakan khusus untuk membantu **staf dan pelajar bukan Islam**, di samping menjadi dana tambahan dan pelengkap. Dana ini membiayai penganjuran program pembangunan pelajar serta komuniti sekitar UiTM seperti Bantuan Bencana Banjir, Program Orang Asli dan Program Komuniti Setempat.

Tahun ini juga, kita memperkasakan kembali **Wakaf Madani UiTM**. Melalui penstrukturan semula, beberapa projek telah dirancang antaranya, penubuhan Pusat Dialisis Wakaf UiTM, pembinaan Musolla Padang Kawad, pelancaran Wakaf Seni Kreatif dan projek Wakaf Aset Kesihatan di Hospital UiTM.

Sebagai makluman, projek-projek wakaf ini juga sedang rancak dilaksanakan di kampus-kampus cawangan, antaranya projek Wakaf Dusun Ilmu (WaDI) UiTM Melaka, Dana Wakaf Ilmu UiTM Perlis dan lain-lain. Justeru, sama-samalah kita menyemarakkan lagi semangat berwakaf yang mampu menjadi sumber pendanaan UiTM.

Wakaf MADANI UiTM	
Penubuhan Pusat Dialisis Wakaf UiTM	Pembinaan Musolla Padang Kawad
Pelancaran Wakaf Seni Kreatif	Projek Wakaf Aset Kesihatan @ Hospital UiTM
Wakaf Dusun Ilmu (WaDI) @ UiTM Melaka	Dana Wakaf Ilmu @ UiTM Perlis

Vice-Chancellor's Special Project (VCSP) 2024

Inisiatif perancangan strategik tahun ini ataupun **Projek VCSP 2024** telah menyenaraikan **17 projek** dan 4 daripadanya telah dilaksanakan sejak Disember 2023.

Projek VCSP 2024 kini berada di **Fasa Pelaksanaan** sebelum memasuki **Fasa Pemantauan** pada bulan Julai dan November akan datang.

Projek VCSP 2024 akan dilaksanakan dan dipantau oleh **Pengarah-Pengarah Peneraju** yang telah ditetapkan iaitu:

- **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)** akan menerajui *Research and Subject Matter Expert Mentoring Programme* bagi kedua-dua bidang Sains dan Teknologi serta Sains Sosial melalui pepadanan para akademik dan penyelidik UiTM bersama pakar bidang terkemuka dunia dari institusi antarabangsa seperti National University of Singapore, King's College London, United Kingdom, Universiti Gadjah Mada, Indonesia, dan banyak lagi.
- Seterusnya, **Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti, dan Alumni)** yang akan menerajui sistem pengesanan profil alumni UiTM menerusi platform *MyAlumni Virtual Card* serta 6 projek lain melibatkan kerjasama strategik industri, komuniti dan alumni.

- Dalam proses menuju pengiktirafan dunia pula, **Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)** akan menerajui projek *International University Consortium* bersama sarjana-sarjana terkemuka dunia.
- Bagi usaha melahirkan pelajar Bumiputera bitara di UiTM, **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)** akan menerajui projek *Super Bumiputera Students* yang dikenali sebagai *i-Star Students* dengan penganjuran program mobiliti, kepimpinan, keusahawanan, inovasi, kesukarelawanan, khidmat komuniti serta pertandingan berprestij di peringkat antarabangsa.
- Tidak lupa juga **Pejabat Pendaftar**, yang bakal menerajui 5 projek VCSP yang melibatkan kecemerlangan staf pentadbiran kumpulan Pengurusan dan Profesional serta kumpulan Pelaksana.
- Malah, kita juga mempunyai 2 projek bagi membantu pembangunan bakat staf sokongan, yang bakal diterajui oleh **Penolong Naib Canselor (Institut Kepimpinan dan Pembangunan)**.

Garis Masa SAP VCSP 2024

Fasa Penyediaan, Fasa Pelaksanaan, Fasa Pemantauan dan Pelaporan



Vice-Chancellor's Special Project (VCSP)

Research and Subject Matter Expert Mentoring Programme	MyAlumni Virtual Card	International University Consortium	Super Bumiputera Students
21 st International Conference for University Administrators (ICUA)	Administrative Staff Micro Credentials and MOOC	Administrative Staff International Job Shadowing	Supporting Staff Mentoring Programme
Supporting Staff Mobility Programme	UiTM Strategic Gateway through Metaverse AI Technology	Supporting Staff Talent Scouting	Supporting Staff Interpersonal Skills Programme
UiTM Iconic Community Project	UiTM International Volunteerism	i-CAN Talk	Alumni Grand Dinner
Alumni Greetings			

Kelangsungan Bersama 2024

Kita mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam universiti ini. Surah Al-Isra, 17:29, bermaksud:

“Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan janganlah engkau terbongkar seluruh jalan dan janganlah engkau pula terlalu membuka sehingga engkau duduk dengannya (di dalam kesukaran).”

Dalam melaksanakan tugas, ujian pasti datang dalam pelbagai bentuk dan ujian itu adalah sebahagian dari kehidupan. Walaupun begitu, carilah keredhaan Allah dalam menghadapi cabaran di tempat kerja.

Tidak kira siapa pun kita, tidak kira pangkat, sama ada dari pengurusan tertinggi, pentadbir, pensyarah, staf pelaksana, mahupun pelajar, **perlulah berpandukan al-Quran, khususnya yang beragama Islam.**

Al-Quran mampu menghidupkan jiwa, mendidik rohani dan minda manusia agar kita bertindak lebih adil dalam membuat keputusan, memastikan kelancaran setiap urusan dan tanggungjawab, sekaligus mewujudkan persekitaran kerja yang positif serta menghasilkan keikhlasan dan keberkatan dalam kita mencari rezeki.

Statistik Kesihatan Mental Staf

7% Mendapatkan khidmat kaunseling

37% Mempunyai simptom

Berdasarkan data, sebanyak **7%** daripada keseluruhan staf yang **mendapatkan perkhidmatan sesi kaunseling** menghadapi masalah kesihatan mental yang serius manakala **37%** lagi **mempunyai simptom-simptom** isu kesihatan mental.

Perkara ini berpunca daripada pelbagai senario seperti beban kerja, ketidakseimbangan aktiviti harian, konflik komunikasi, serta ketidakstabilan emosi. Oleh itu, isu ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak terutama pengurusan di setiap PTJ.

Semua pentadbir perlulah mempunyai sifat tolak ansur, toleransi dan empati bagi mengendalikan pasukan dalam organisasi masing-masing. Diharapkan, pada tahun ini Indeks Kegembiraan UiTM meningkat lebih baik berbanding yang dicatatkan pada tahun lepas iaitu 72%.

Kesatuan/ Persatuan Staf UiTM

Kesatuan Kakitangan Umum
UiTM (KKUiTM)

Kesatuan Kakitangan
Akademik UiTM (MITASA)

Persatuan Wanita UiTM
(PEWANI)

Persatuan Pentadbir UiTM
(PPUiTM)

Persatuan Kakitangan
Akademik UiTM (UTiMAS)

Di samping itu, UiTM sememangnya mempunyai badan penggerak pembangunan modal insan iaitu **AKRAB** atau **Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam** di setiap PTJ yang termaktub di bawah **Pekeliling Perkhidmatan Bil.18 Tahun 2005**.

AKRAB UiTM ini menyediakan **perkhidmatan membimbing** bagi membantu rakan sekerja dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi dan menjadi agen perubahan di dalam UiTM. Justeru, semua Ketua PTJ perlu terus peka akan hal ini, dan pastikan AKRAB UiTM di PTJ masing-masing berfungsi dengan berkesan.

Selain itu, kita juga mempunyai pasukan pelatih **Neuro-Linguistic Programming (NLP)** yang boleh bekerjasama dalam membantu membina minda, emosi warga yang positif, dan sihat.

Tidak ketinggalan, UiTM juga mempunyai saluran yang boleh membawa isu-isu berkaitan kebijakan warga universiti kepada pihak pengurusan. Antaranya melalui:

- Kesatuan Kakitangan Umum UiTM (KKUiTM);
- Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA);
- Persatuan Wanita UiTM (PEWANI);
- Persatuan Pentadbir UiTM (PPUiTM); dan
- Persatuan Kakitangan Akademik UiTM (UTiMAS)

Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu menggembelng tenaga dalam memastikan **kesejahteraan jasmani, emosi, rohani** dan **intelekt** setiap warga UiTM.

Makluman Khas Naib Canselor

Warga UiTM mengucapkan selamat datang kepada dua **Ahli Lembaga Pengarah baharu** iaitu **Yang Berbahagia Datuk Nik Airina Nik Jaffar** dan **Yang Berusaha Tuan Haji Mustaffa Kamil Ayub**.

Semoga kehadiran ahli lembaga pengarah baharu memberi kekuatan kepada UiTM. Dengan kepakaran dan komitmen yang dibawa, kami yakin UiTM akan terus berkembang dengan mencapai matlamatnya, dan memberi impak positif kepada masyarakat.

Selamat berkhidmat, semoga setiap langkah membawa kejayaan dan keberkatan untuk masa depan yang lebih gemilang.



Untuk makluman para hadirin juga, pada tahun ini, kita bakal menyambut **Ulang Tahun ke-25** atau **"Jubli Perak UiTM"** sempena penubuhan institusi keramat ini dari sebuah Institut menjadi sebuah

Universiti pada 26 Ogos 1999. Sebentar lagi juga, kita akan melancarkan **logo rasmi JUBLI PERAK UiTM** yang menandakan sambutan ulang tahun universiti ini bermula.

Pelbagai aktiviti menarik telah dirancang sepanjang sambutan ulang tahun UiTM dengan penglibatan seluruh warga fakulti dan kampus cawangan. Antara agenda yang telah dirancang oleh pihak universiti adalah penjualan *Merchandise* edisi terhad, *UiTM Obstacle Run*, *Kayuhan Kapsul* dan kemuncak acaranya adalah Malam Gala Sambutan UiTM ke-25 pada **26 Ogos 2024** di Dewan Agung Tuanku Canselor.

Yang ketiga adalah berkaitan dengan **Struktur Tadbir Urus 1UiTM:Multisistem**. Berpandukan kepada Lonjakan ke-6 iaitu Pemantapan Tadbir Urus yang digariskan dalam **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)** dan seterusnya dipetakan kepada **Projek Utama Transformasi Universiti**, terdapat beberapa penambahbaikan telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini.

Penambahbaikan ini telah melibatkan pengurusan kanan UiTM dalam *Retreat* Lembaga Pengarah Universiti dengan Pengurusan Kanan UiTM yang diadakan pada Disember 2023 yang lalu. Satu pasukan petugas akan dibentuk untuk menyediakan dokumentasi yang merujuk kepada Akta 173 (Akta Universiti Teknologi MARA) Perkara 35 (1) mengenai **Kuasa Lembaga untuk Membuat Kaedah-Kaedah**.

Untuk penstrukturan dan penambahbaikan ini, beberapa kajian telah dilakukan dan diantaranya melalui penanda arasan dengan beberapa buah universiti awam, swasta serta universiti-universiti di luar negara yang mempunyai struktur tadbir urusnya yang mirip dengan UiTM, contohnya, University of California. Susulan dari *retreat* tersebut, soal selidik yang telah diedarkan kepada ahli Majlis Pengurusan Kanan Universiti (MPK) untuk mendapat maklum balas yang telus.

Beberapa penstrukturan akan dilakukan selepas pihak pengurusan UiTM mendapatkan kelulusan di peringkat Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Antaranya adalah seperti berikut:

- **Mewujudkan jawatan Ketua Pegawai Digital** (*Chief Digital Officer*) selaras dengan aspirasi *Kementerian Digital Malaysia*;
- **Penggabungan Kursi Institusi Raja-Raja Melayu** (KIRRM), *Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu* (IMPAK), *Bahagian Hal Ehwal Islam* (BHEI) dan ZAWAF;
- **Penyusunan semula** beberapa PTJ seperti *InQKA*, *Pusat Pengurusan Risiko*, *MASMED*, *ILD*, *Ibu Pejabat Polis Bantuan Polis Bantuan*, *PALAPES*, *GESTURZ*, *Unit Endowmen* dan *Jabatan Hartanah*;
- **Memperhebat dan memperkasakan** *Pejabat Timbalan Naib Canselor (ICAN)* dengan tambahan fungsi berkaitan *Federal Government Relations* dan *State Governmental Relations* serta peranan penting *Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti*.

Perkara yang keempat adalah berkaitan dengan **penstrukturan entiti akademik** melibatkan Kolej Pengajian yang akan diteliti secara menyeluruh. Penstrukturan ini akan diumumkan dalam tempoh tiga bulan setelah kajian melibatkan maklum balas warga UiTM, pelajar, alumni dan industri selesai dilaksanakan.

Pembitaran Adiwangsa

Pembitaran adiwangsa adalah antara yang perlu kita berikan perhatian pada tahun ini. Namun, kita perlu bersama-sama terlibat dalam mengharungi beberapa cabaran demi mencapai aspirasi yang diinginkan.

Yang pertama, kita perlu memastikan pelaksanaan **Pelan Penggantian Bakat** atau **Talent Retention** dalam mempertahankan sumber daya manusia. UiTM mempunyai pelbagai kepakaran dalam kalangan pensyarah dan pentadbir. Amat wajar untuk kita menjaga dan pertahankan bakat mereka kerana ia merupakan aspek penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan reputasi universiti untuk membentuk generasi seterusnya sebagai modal insan negara kita.

Beberapa faktor yang berkemungkinan menyebabkan perkara ini berlaku adalah penawaran insentif kerja yang lebih baik, tidak ada peluang pengembangan bakat, ketidakstabilan dalam pengurusan dan sebagainya. Oleh itu, perkara ini perlu kita kaji dan perlu kita tangani segera.

Antara yang mungkin boleh kita fikirkan:

- Menyediakan *roadmap* perkembangan kerjaya di dalam organisasi;
- Merekrut dan melatih orang yang tepat sejak awal mengenai kemahiran yang berkaitan dengan teliti; dan
- Melaksanakan inisiatif untuk menarik, memupuk dan mengekalkan kepakaran yang tepat.

Yang kedua, kita harus membangunkan **Pembudayaan Ilmu UiTM Sebagai Sebuah Organisasi Pembelajaran (Learning Organisation)** buat semua warga. Di universiti, bakat staf akademik dan bukan akademik adalah sama penting dalam membawa kejayaan yang bermakna kepada universiti.

Universiti sememangnya tidak akan terpisah dengan **iklim budaya ilmu**. Justeru, UiTM amat menggalakkan semua warga termasuk staf bukan akademik untuk melanjutkan pengajian yang lebih tinggi, demi kemaslahatan mereka dalam memajukan diri terutamanya menyumbang tenaga dan idea untuk meningkatkan kualiti kerja.

Melalui **Institute of Continuing Education & Professional Studies (iCEPS)**, misalnya, staf UiTM layak menerima **diskaun yuran pengajian sebanyak 50%** apabila melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Manakala yang ketiga, kita perlu berusaha untuk **merealisasikan 'kejayaan yang tertangguh'**. UiTM prihatin terhadap mereka yang sedang berusaha menyelesaikan PhD masing-masing. Kejayaan yang tertangguh ini disebabkan oleh pelbagai cabaran dan dugaan hebat, yang pastinya berbeza bagi setiap individu.

Kelulusan akademik tertinggi ini akan melayakkan kita untuk melaksanakan penyelidikan bagi memperoleh atau mencipta ilmu baharu dalam bidang masing-masing. Berikutan itu, digalakkan bagi staf yang telah tamat cuti belajar, teruskanlah menyambung perjalanan pengajian PhD sehingga selesai.

Pembitaran Adiwangsa

Pelan Penggantian Bakat
(*Talent Retention*)

Pembudayaan Ilmu
(*UiTM as Learning Organisation*)

Kejayaan yang Tertangguh

UiTM 2030 *Way Forward*

Garis Masa Perancangan Kerangka UiTM 2030-2040

UiTM adalah pemacu masa depan negara. Setiap langkah perlu dipertimbangkan dengan penuh bijaksana di samping memenuhi visi dan misi UiTM. Kita harus bersedia menghadapi tahun yang mendatang.

Demi generasi yang akan datang, Bahagian Transformasi Universiti (BTU) akan mengenal pasti dan merangka perancangan strategik untuk UiTM 2030 yang membawa kepada keupayaan untuk meningkatkan keberhasilan universiti.

Lantaran itu, pendekatan “*high growth*” yang digunakan akan melibatkan strategi yang mendorong kepada pertumbuhan pesat dalam aspek jumlah mahasiswa, penelitian dan penerbitan bahan ilmiah, program akademik serta memaksimumkan penggunaan teknologi yang memberi impak positif kepada masyarakat.

Pertumbuhan ini haruslah diimbangi dengan pemeliharaan kualiti agar tetap berdaya saing dalam jangka panjang. *Insya–Allah*. Kita doakan bersama–sama.



Pengamatan Lirik Lagu Universiti **Wawasan Setia Warga UiTM**

Bersatu **kita** warga UiTM
Kita bangsa perkasa
Taat dan setia untuk negara
Penuh semangat waja

Kita... jangan mudah terlupa
pengorbanan, perjuangan anak bangsa
Kita... jangan mudah terleka
kemajuan, keamanan yang ada
Kita... berterima kasih
pada pemimpin-pemimpin negara
Kita... rasa penuh bersyukur
kerahmatan, kemuliaan dari-Nya

Kamilah pendokong, pewaris bangsa
Kamilah pendaulat, bangsa Malaysia
Kamilah warga berwawasan

Untuk Negeraku.

Dengan berbaki kurang daripada 2 tahun untuk mencapai **GRU2025**, kita perlu melonjakkan usaha ini bersama-sama **secara kolektif**. Semua perlu terlibat sebagai satu pasukan dan tiada yang akan terkecuali.

Kebersamaan ini, selari dengan lirik lagu **Wawasan Setia Warga UiTM**. Jika diamati, kata ganti nama diri **“kita”** dan **“kami”** digunakan berulang kali.

*“It is not about **ME**, it is about **WE**.”*

Maka, **perkukuhkanlah ukhuwah** sesama kita dalam mencipta persekitaran dengan aura positif. Harapannya UiTM terus maju dengan kecemerlangan berintipatikan **“roh”** ataupun **Excellence with Soul**.

Rasulullah SAW ketika baru tiba di Madinah ada berpesan:
Maksudnya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا وَالنَّاسُ نِيَامٌ
تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ

“Wahai sekalian manusia! Sebarkanlah salam (damai), berilah makanan dan solatlah ketika orang sedang tidur, nescaya kamu semua akan masuk syurga dengan iringan ucapan salam (Allah dan Malaikat-Nya).”

(Riwayat al-Tirmidhi, 2485 dan Ibn Majah, 1334)

Oleh itu, marilah kita bersama-sama membudayakan **3S** iaitu **Sapa**, **Senyum**, dan **Salam**.

- **Sapaan yang sopan** dan mesra menunjukkan budi pekerti dan kepedulian terhadap orang lain.
- **Senyuman yang ikhlas** dan perasaan kasih sayang mampu mengubati diri kita dan mereka di sekeliling.
- Manakala, **salam membawa rasa hormat** dan kedamaian yang menjadi pelengkap kepada perhubungan yang ikhlas sesama kita.

Jadikanlah amalan 3S ini sebagai nilai asas dalam membina hubungan yang baik dan suasana yang harmoni.

Sapa
dengan
sopan

Senyum
dengan
ikhlas

Salam
dengan
hormat

Sebelum kita mengakhiri pertemuan hari ini, ingin dikongsikan satu cerita yang boleh diambil natijahnya. Ia berkenaan dengan inovasi penyepit atau **chopstick**, yang dipetik daripada pengalaman bersama insan kurang upaya penglihatan, iaitu **Allahyarham Dato’ Prof. Ismail Salleh**.

Kisah ini bermula, apabila Penasihat Diraja mengajukan cara makan yang baharu dengan menggunakan *chopstick* untuk menggantikan penggunaan tangan. Tujuannya bagi mengelakkan tangan menyentuh makanan yang panas dan dianggap lebih bersih.

Selepas itu, penggunaan *chopstick* dirasakan tidak sesuai apabila digunakan bersama pinggan. Maka, dicadangkan pula, mangkuk untuk diganti pinggan. Setelah itu, Penasihat merasakan tidak sesuai untuk hidangan dan makan di atas lantai beralaskan tikar. Maka, dicadangkan pula, meja. Setelah menggunakan meja, Penasihat merasakan tidak molek untuk makan berdiri, dan dinasihati untuk duduk menggunakan kerusi. Maka, dibuangnya tikar dan terciptanya, kerusi. Selepas itu, banyaklah lagi yang dirasakan tidak sesuai dari semasa ke semasa berpunca dari sepasang *chopstick*.

Natijahnya, kisah ini boleh membawa banyak pengajaran bergantung kepada pandangan atau persepsi masing-masing. Fikir-fikirkanlah...

Sebut pasal *chopstick*, pada kesempatan ini, ingin diucapkan **Selamat Tahun Baharu** buat semua Warga UiTM yang berbangsa Cina.

Amanat ini tidak lengkap jika tidak diakhiri dengan dua rangkap pantun 6 kerat:

*Akar tualang sukar dipanjat,
Sekah di tepi sulur menjunjung,
Dahan tertimpa rotan cemeli;
Apa guna hidup berdarjat,
Allah dan Nabi tidak diagung,
Malah UiTM tiada di hati.*

*Hendak belayar ke Teluk Belong,
Sambil mencuba labuhkan pukut,
Tuba diraut berganduk pekat;
Bulat air kerana pembelung,
Bulat manusia kerana muafakat,
Moga hidup bertambah berkat.*

**Sekian,
Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

SIDANG REDAKSI

Penaung
Profesor Datuk Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc

Penasihat
Ezurya Rathi

Penulis Utama
Ts. Dr. Hayati Abd Rahman
Zuraidah Jantan
Syaza Marina Ramli

Penulis Bersama
Azhar Ab. Wahab
Turisiana Ahmad Buhari

Penyelia Visual
Syaza Marina Ramli
Haryati Kamaruddin

Pereka Grafik
Mohd Khairulnizam Yaakub
Ahmad Zahir Razi
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar

Penerbit
Jabatan Komunikasi

Pencetak
UiTM Print

Dengan Kerjasama
Pejabat Naib Canselor
Bahagian Transformasi Universiti (BTU)
Bahagian Governan & Sekretariat Universiti
Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA)
Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (P&I)
Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)
Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (PPII)
UiTM Global (UG)
Pejabat Bendahari
Pejabat Pendaftar
Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF)
Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI)
Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED)
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)
Institut Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD)
Pusat Kerjaya dan Kaunseling
Persatuan dan Kesatuan Staf UiTM



Globally Renowned

Locally Rooted

ISBN 978-629-98741-1-9



9 786299 874119

Diterbitkan oleh

Jabatan Komunikasi

Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam, Selangor